



## SIARAN MEDIA

### **KPWKM WUJUD SKUAD PRIHATIN NEGARA, WARGA KERJA KEMENTERIAN BANTU MANGSA BANJIR DI KOTA TINGGI**

**KOTA TINGGI, 10 Januari** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hari ini telah mewujudkan Skwad Prihatin Negara (SPN) yang merupakan sebuah skuad kesukarelawan dan kebajikan yang dianggotai oleh warga kerja kementerian, badan bukan Kerajaan (NGO), syarikat korporat dan orang awam.

“Menyedari akan keperluan semasa negara yang berhadapan dengan bencana banjir yang telah menjejaskan kehidupan seharian sebahagian rakyat Malaysia, Kementerian mengambil inisiatif mewujudkan Skwad Prihatin Negara dalam usaha membantu golongan-golongan yang terkesan semasa dan pasca banjir” ujar Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), KPWKM bagi pihak YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun.

“Program ini akan dilaksanakan di semua daerah yang terjejas dengan bencana banjir di seluruh negara. Sebagai permulaan, sukarelawan Skwad Prihatin Negara dipelopori oleh warga kerja KPWKM sendiri untuk membantu komuniti-komuniti yang terjejas di Daerah Kota Tinggi,” tambah beliau.

Pewujudan Skwad Prihatin Negara ini adalah sebagai tanda keprihatinan Kerajaan terhadap isu-isu dan permasalahan rakyat dengan melaksanakan kerja-kerja kemasyarakatan dan kemanusiaan sebagai menepati hasrat untuk mendampingi rakyat diperingkat akar umbi.

Skuad Prihatin Negara yang akan memberi perkhidmatan berasaskan komuniti (*community-based services*) yang lebih mesra dan praktikal kepada rakyat yang memerlukan akan dilancarkan secara rasminya oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia semasa Pelancaran Kembara Prihatin Negara pada 15 Januari di Pagoh.

Diharapkan agar pelaksanaan program ini dapat meringankan beban mangsa banjir yang terjejas dan di samping dapat mengembalikan semangat gotong-royong serta amalan tolong-menolong berganding bahu, agar yang berat menjadi ringan. Turut serta dalam program ini ialah YB Puan Zaiton binti Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor.

Kepada mereka yang berminat untuk menjadi Sukarelawan Skuad Prihatin Negara boleh berhubung dengan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang terdekat.

###

Disediakan oleh : **Unit Perhubungan Awam**  
**Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**  
Jabatan No. 55, Persiaran Perdana  
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 03-83231773

Tarikh dikeluarkan : 10 Januari 2021